



**GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2017
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**MENGEMUKAKAN ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR DI BAWAH
SEKSYEN 107C AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Di bawah Sistem Taksir Sendiri pembayar cukai kategori Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dikehendaki untuk mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar dan membayar anggaran tersebut secara ansuran. Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT juga dikehendaki untuk melaporkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) pendapatan bercukai dan cukai yang kena dibayar ke atas pendapatan. Sekiranya jumlah bayaran ansuran yang telah dibuat kurang daripada cukai sebenar yang kena dibayar, perbezaan ini hendaklah dibayar tidak lewat daripada hari terakhir bulan ke tujuh dari tarikh penutupan tempoh perakaunan.
- 1.2 Anggaran cukai kena dibayar boleh dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) secara manual atau e-Filing.
- 1.3 Mulai tahun taksiran 2018, pembayar cukai kategori syarikat diwajibkan untuk mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar (CP204) dan pindaan anggaran (CP204A) melalui e-Filing.
- 1.4 Mulai tahun taksiran 2019, pembayar cukai kategori PLT, Badan Amanah dan Koperasi diwajibkan untuk mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar (CP204) dan pindaan anggaran (CP204A) melalui e-Filing.

Nota : Pengemukaan CP204B berkaitan penukaran tempoh perakaunan masih sama iaitu dikemukakan secara manual.

2. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk menerangkan prosedur pengemukaan borang Anggaran Cukai Kena Dibayar terpakai kepada:

- 2.1. Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT
- 2.2. Syarikat yang mempunyai modal berbayar berhubung saham biasa RM2.5 juta dan kurang pada permulaan tempoh asas suatu tahun taksiran

3. PERUNTUKAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP 1967)

3.1. Pengemukaan Anggaran Cukai Kena Dibayar

3.1.1. Semua syarikat yang telah beroperasi dikehendaki untuk mengemukakan Borang Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar (CP204) bagi sesuatu tahun taksiran kepada KPHDN termasuklah:

- (i) Syarikat, Koperasi dan Badan Amanah
- (ii) Syarikat bermastautin yang mempunyai modal berbayar berhubung saham biasa RM2.5 juta dan kurang (SME) pada permulaan tempoh asas suatu tahun taksiran yang baru beroperasi juga perlu mengemukakan CP204 tetapi tidak perlu mengisi butiran amaun anggaran cukai yang kena dibayar. Syarikat dikehendaki untuk mengekalkan modal berbayar RM2.5 juta atau kurang pada permulaan perniagaan dan juga pada permulaan dua (2) tahun taksiran berikutnya.

- (iii) PLT dikehendaki mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar sebagaimana Syarikat, Koperasi, Badan Amanah mulai Tahun Taksiran 2013
- (iv) Syarikat bukan bermastautin yang tertakluk sepenuhnya kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A ACP 1967 hendaklah mengisi ruang yang dikhaskan. Syarikat tidak perlu membuat bayaran anggaran cukai kerana telah membuat bayaran cukai pegangan.

3.1.2. Anggaran cukai yang kena dibayar hendaklah dikemukakan dengan mengisi borang ditetapkan CP204 yang disediakan oleh LHDNM (Rujuk Lampiran 1 Borang Anggaran Cukai (CP204)). Pembayar cukai juga boleh mencetak Borang CP204 melalui Portal Rasmi LHDNM, <http://www.hasil.gov.my>. Cetakan perlulah mengikut spesifikasi cetakan yang telah ditetapkan. Borang perlu dikemukakan secara e-filing atau secara manual ke Pusat Pemrosesan Maklumat (PPM). Menurut subseksyen 107C(7A) ACP 1967, pembayar cukai kategori Syarikat wajib mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar (CP204) dan pindaan anggaran (CP204A) melalui e-filing mulai tahun taksiran 2018 manakala pembayar cukai kategori PLT, Badan Amanah dan Koperasi diwajibkan untuk mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar (CP204) dan pindaan anggaran (CP204A) melalui e-Filing mulai tahun taksiran 2019.

Maklumat berikut perlu dilengkapkan semasa pengemukaan anggaran cukai:

- (i) Nama dan alamat.
- (ii) Nombor rujukan cukai pendapatan.
- (iii) Nombor pendaftaran Syarikat/PLT/Badan Amanah/Koperasi
- (iv) Amaun anggaran cukai
- (v) Tempoh perakaunan dan tempoh asas.
- (vi) Tarikh permulaan operasi.

- (vii) Status SME
- (viii) Layak sepenuhnya kepada cukai pegangan
- (ix) Tahun taksiran.

3.1.3. Tempoh pengemukaan CP204:

- (i) Syarikat sedia ada:
Menurut Subseksyen 107C(2) ACP 1967, Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT yang telah beroperasi (sedia ada) hendaklah mengemukakan anggaran cukai tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran.
- (ii) Syarikat baru :
Menurut Subseksyen 107C(4)(a) ACP 1967, bagi syarikat yang baru memulakan operasi dan mempunyai tempoh asas pertama untuk suatu tahun taksiran tidak kurang daripada 6 bulan, anggaran cukai kena dibayar hendaklah dikemukakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh mula operasi Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT.

3.1.4. Amaun minimum anggaran cukai

Subseksyen 107C(3) ACP 1967 memperuntukkan amaun anggaran cukai minimum bagi sesuatu tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada 85% amaun anggaran cukai dipinda atau amaun anggaran cukai jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan bagi tahun taksiran sebelumnya.

Pembayar cukai yang baru memulakan operasi boleh menentukan anggaran cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran pertama mengikut anggaran keuntungan syarikat. Anggaran cukai yang kena dibayar pada tahun taksiran pertama

tersebut akan menjadi asas untuk menentukan anggaran cukai tahun taksiran berikutnya.

3.1.5. Jadual bayaran

Bagi syarikat sedia ada, subseksyen 107C(5) ACP 1967 memperuntukkan anggaran cukai yang kena dibayar hendaklah dibayar mulai bulan ke 2 tempoh asas dalam amaun sama rata mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas. Bagi syarikat baru, subseksyen 107C(6) ACP 1967 menetapkan anggaran cukai yang kena dibayar hendaklah dibayar mulai bulan ke-6 tempoh asas. Bayaran hendaklah dibuat pada atau sebelum 15 haribulan setiap bulan berdasarkan bilangan bulan dalam tempoh asas.

Jadual Tarikh Pengemukaan Anggaran Cukai Kena Dibayar Dan Bayaran Ansuran

Tarikh Penutupan Akaun	Pengemukaan Anggaran Cukai Sebelum	Bulan Bayaran Ansuran Bermula
31/01/2017	01/01/2016	Mac 2016
28/02/2017	30/01/2016	Apr 2016
31/03/2017	01/03/2016	Mei 2016
30/04/2017	31/03/2016	Jun 2016
31/05/2017	01/05/2016	Jul 2016
30/06/2017	31/05/2016	Ogos 2016
31/07/2017	01/07/2016	Sept 2016
31/08/2017	01/08/2016	Okt 2016
30/09/2017	31/08/2016	Nov 2016
31/10/2017	01/10/2016	Dis 2016
30/11/2017	31/10/2016	Jan 2017
31/12/2017	01/12/2016	Feb 2017

Contoh 1 –

Pengiraan ansuran anggaran cukai bagi syarikat telah beroperasi:

Amaun anggaran cukai dalam tempoh asas	RM130,000
Tempoh Asas	Jan - Dis
Bilangan Ansuran dalam tempoh asas	12
Ansuran pertama mulai Feb dan berakhir Jan tahun berikutnya	$130,000/12 = \text{RM}10,833.33$ Ansuran 1-11 = RM10,833 Ansuran 12 = RM10,837

Nota : Jika terdapat angka sen apabila anggaran cukai dibahagi dengan bilangan bulan dalam tempoh asas, amaun sen hendaklah ditambah kepada ansuran terakhir.

- 3.1.6. Mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar kurang daripada amaun minimum yang ditetapkan di bawah subseksyen 107C(3) ACP 1967.

Sekiranya Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT mengemukakan anggaran cukai kurang daripada amaun minimum yang ditetapkan, pembayar cukai hendaklah mengikuti tatacara pengemukaan seperti berikut:

- (i) Pengemukaan secara e-filing

Anggaran cukai kena dibayar perlu dikemukakan melalui e-CP204 dengan anggaran cukai tidak kurang daripada 85% amaun anggaran cukai tahun taksiran sebelum dan surat rayuan berserta dokumen sokongan perlu dikemukakan ke PPM tidak lewat dari 30 hari sebelum tempoh asas bermula. Mulai Tahun Taksiran 2018 pembayar cukai syarikat diwajibkan mengemukakan CP204 melalui e-filing

(ii) Pengemukaan secara manual

Borang CP204 perlu dikemukakan dengan anggaran cukai kena dibayar seperti yang dimohon dan surat rayuan berserta dokumen sokongan perlu dikemukakan ke PPM tidak lewat dari 30 hari sebelum tempoh asas bermula.

Antara alasan yang boleh dipertimbangkan dalam meluluskan sesuatu permohonan adalah:

(i) Perniagaan telah ditamatkan

(ii) Pendapatan dari sesuatu punca telah berkurangan dengan ketara atau tidak lagi diterima

Contoh:

a) Aset yang menghasilkan pendapatan sewa telah dijual

b) Projek sedia ada telah tamat dan tiada projek baru bagi tahun taksiran berikutnya.

c) Hilang pelanggan besar atau kontrak

d) Transaksi atau peristiwa luar biasa yang menyebabkan kos operasi meningkat dan menyebabkan margin keuntungan berkurangan dengan ketara

e) Gangguan kepada aktiviti perniagaan seperti kebakaran atau dilanda bencana alam

(iii) Syarikat dalam penggulungan

(iv) Syarikat diambil alih melalui proses penggabungan dan pemerolehan

(v) Syarikat mempunyai rugi / elaun modal hantar hadapan yang besar

(vi) Pertukaran tempoh perakaunan menyebabkan tempoh asas tahun taksiran semasa lebih pendek daripada tempoh asas tahun taksiran sebelum

(vii) Syarikat diberi insentif cukai seperti taraf perintis atau elaun cukai pelaburan

3.1.7. Pengemukakan anggaran cukai yang ditolak.

Berikut adalah keadaan di mana pengemukakan anggaran cukai kena dibayar ditolak:

- (i) Pengemukakan anggaran cukai dikemukakan di luar tempoh asas (selepas tarikh akhir tempoh asas tahun taksiran berkenaan).
- (ii) Borang anggaran cukai yang dikemukakan secara manual tidak ditandatangani
- (iii) Borang anggaran cukai tidak ditandatangani oleh Pengarah/Setiausaha/Jawatan yang setaraf di bawah seksyen 75. Contohnya diisi dan ditandatangani oleh kerani akaun.
- (iv) Borang yang dikemukakan adalah borang salinan/faksimili.
- (v) Ruangan di bahagian akaun tidak dilengkapi sepenuhnya.
- (vi) Maklumat asas tidak lengkap/jelas/tepat (*nama syarikat, no. pendaftaran syarikat, no. cukai pendapatan syarikat*)
- (vii) Tahun taksiran/tempoh perakaunan/tempoh asas tidak diisi dengan lengkap atau tidak sepadan.

3.1.8. Kegagalan syarikat mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar.

Jika syarikat gagal mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar

- (i) KPHDN akan menetapkan amaun anggaran cukai yang kena dibayar yang bersamaan dengan amaun anggaran cukai dipinda (jika ada) bagi tahun taksiran sebelum atau amaun anggaran jika tiada amaun anggaran dipinda bagi tahun taksiran sebelum.

- (ii) Notis Bayaran Ansuran (CP205) akan dikeluarkan bagi memaklumkan amaun anggaran cukai yang kena dibayar (rujuk lampiran 2 Notis Bayaran Ansuran CP205).
- (iii) Kegagalan/ kelewatan mengemukakan anggaran cukai kena dibayar adalah merupakan satu kesalahan yang boleh dikompaunkan. Notis Tindakan Pendakwaan di bawah subseksyen 120(1)(f) ACP 1967 akan dikeluarkan kepada pembayar cukai.

3.1.9 Pengemukakan anggaran cukai kena dibayar secara e-filing

- (i) Pengemukakan anggaran cukai secara e-Filing telah dilaksanakan mulai tahun taksiran 2010 bagi anggaran cukai (CP204) dan tahun taksiran 2011 bagi pindaan anggaran cukai (CP204A).
- (ii) Kaedah penghantaran dengan menggunakan sijil digital terpakai kepada:
 - a) ejen cukai melalui TAeF bagi semua jenis fail cukai.
 - b) Pengarah syarikat dengan menggunakan sijil digital organisasi (OeF) untuk fail syarikat sahaja.
- (iii) Mulai tahun taksiran 2018 semua fail kategori syarikat diwajibkan mengemukakan anggaran cukai CP204 dan pindaan anggaran (CP204A) secara e-filing menurut subseksyen 107C(7A) ACP 1967.
- (iv) Mulai tahun taksiran 2019, pembayar cukai kategori PLT, Badan Amanah dan Koperasi diwajibkan untuk mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar (CP204) dan pindaan anggaran (CP204A) melalui e-Filing menurut subseksyen 107C(7A) ACP 1967.

3.2. Pindaan Anggaran Cukai Kena Dibayar

- 3.2.1. Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT dibenarkan untuk membuat pindaan anggaran cukai kena dibayar dengan

mengemukakan **Borang CP 204A** (rujuk lampiran 3 Borang CP204A).

3.2.2. Anggaran cukai kena dibayar bagi sesuatu tahun taksiran hanya boleh dipinda dalam bulan **ke-6** atau **ke-9** atau **keduaduanya** dalam tempoh asas.

- (i) Sekiranya pindaan dibuat dalam bulan ke-6, ansuran pindaan berkuatkuasa boleh dipilih bermula bulan ke 5 atau 6.
- (ii) Sekiranya pindaan dibuat dalam bulan ke-9, ansuran pindaan berkuatkuasa boleh dipilih bermula bulan ke 8 atau 9.
- (iii) Sekiranya tiada pilihan dibuat ansuran pindaan berkuatkuasa adalah mengikut tarikh penerimaan borang CP204A.

3.2.3. Pengiraan amaun ansuran yang dipinda

Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT hendaklah mengira amaun ansuran yang baru dan membuat bayaran ansuran mengikut cadangan pindaan. Amaun ansuran bulanan yang dipinda dikira dengan membahagikan baki anggaran cukai yang belum dibayar dengan baki tempoh bayaran. Amaun sen (jika ada) hendaklah ditambah kepada ansuran terakhir.

- (i) Jika anggaran cukai kena dibayar yang dipinda melebihi ansuran yang telah dibayar, baki cukai mestilah dibayar secara ansuran mengikut baki tempoh bayaran yang ada.
- (ii) Jika anggaran cukai yang kena dibayar dipinda kurang daripada jumlah yang telah dibayar, syarikat boleh memberhentikan bayaran ansuran seterusnya.

Contoh 2 :

Pengiraan pindaan anggaran cukai bulan ke 6

Tarikh penutupan akaun	31/12/2016
Tarikh akhir pengemukaan CP204	1/12/2015
Amaun anggaran asal dalam tempoh asas	RM120,000 (RM10,000 sebulan)
Amaun anggaran yang dipinda pada bulan ke 6 (memilih untuk berkuatkuasa ansuran ke -6)	RM260,000
Pengiraan ansuran bulanan bagi baki ansuran ke 6 hingga 12	= (RM260,000 – RM50,000)/ 7 = RM30,000 sebulan

Jadual ansuran selepas pindaan.

Ansuran	Tarikh Kena Dibayar	Amaun Asal (RM)	Amaun Pindaan (RM)
1	15.02.2016	10,000.00	10,000.00
2	15.03.2016	10,000.00	10,000.00
3	15.04.2016	10,000.00	10,000.00
4	15.05.2016	10,000.00	10,000.00
5	15.06.2016	10,000.00	10,000.00
6	15.07.2016	10,000.00	30,000.00
7	15.08.2016	10,000.00	30,000.00
8	15.09.2016	10,000.00	30,000.00
9	15.10.2016	10,000.00	30,000.00
10	15.11.2016	10,000.00	30,000.00
11	15.12.2016	10,000.00	30,000.00
12	15.01.2017	10,000.00	30,000.00

Jumlah	120,000.00	260,000.00
--------	------------	------------

Contoh 3 :

Pengiraan pindaan anggaran cukai bulan ke 9

Tarikh penutupan akaun	31/03/2017
Tarikh akhir pengemukaan CP204	1/03/2016
Amaun anggaran asal dalam tempoh asas	RM360,000 (RM30,000 sebulan)
Amaun anggaran yang dipinda pada bulan ke 9 (memilih untuk berkuatkuasa ansuran ke -9)	RM540,000
Pengiraan ansuran bulanan bagi baki ansuran ke 9 hingga 12	$= (RM540,000 - RM240,000) / 4$ $= RM75,000$ sebulan

Jadual ansuran selepas pindaan.

Ansuran	Tarikh Kena Dibayar	Amaun Asal (RM)	Amaun Pindaan (RM)
1	15.05.2016	30,000.00	30,000.00
2	15.06.2016	30,000.00	30,000.00
3	15.07.2016	30,000.00	30,000.00
4	15.08.2016	30,000.00	30,000.00
5	15.09.2016	30,000.00	30,000.00
6	15.10.2016	30,000.00	30,000.00
7	15.11.2016	30,000.00	30,000.00
8	15.12.2016	30,000.00	30,000.00
9	15.01.2017	30,000.00	75,000.00
10	15.02.2017	30,000.00	75,000.00

11	15.03.2017	30,000.00	75,000.00
12	15.04.2017	30,000.00	75,000.00
Jumlah		360,000.00	540,000.00

3.2.4. Pengemukakan CP204 lewat (tetapi masih di dalam tempoh asas)

Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT yang lewat mengemukakan CP204 masih layak membuat pindaan bulan ke-6 atau bulan ke-9 atau kedua-duanya mengikut baki bilangan bulan yang ada.

Sekiranya Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT mengemukakan CP204 (lewat) bersama-sama dengan CP204A dan dikemukakan dalam bulan pindaan di mana Notis Bayaran Ansuran (CP205) telah dikeluarkan, hanya CP204A sahaja yang akan diterima dan diproses.

3.2.5. Tiada pengemukakan CP204

Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT yang gagal membuat pengemukakan CP204, masih layak membuat pindaan bulan ke-6 atau bulan ke-9 atau kedua-duanya dengan syarat Notis Bayaran Ansuran (CP205) bagi Tahun Taksiran berkenaan dikeluarkan.

3.3. Arah bayaran Anggaran Cukai Kena Dibayar yang dikeluarkan oleh KPHDN - Anggaran Cukai Di Bawah Subseksyen 107C(8) ACP 1967.

Di bawah subseksyen 107C(8) ACP 1967, KPHDN boleh pada bila-bila masa mengarahkan mana-mana Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, atau PLT membuat bayaran ke atas anggaran cukai kena dibayar bagi suatu tahun taksiran. Notis Bayaran Ansuran (CP205) akan dikeluarkan bagi memaklumkan amaun anggaran cukai yang kena dibayar. Antara

keadaan di mana KPHDN boleh mengeluarkan anggaran cukai kena dibayar ialah:

- 3.3.1. Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT gagal mengemukakan anggaran cukai (CP204) dalam tempoh ditetapkan iaitu 30 hari sebelum bermula tempoh asas sesuatu tahun taksiran;
- 3.3.2. Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT mengemukakan anggaran cukai kurang 85% daripada anggaran cukai dipinda, atau anggaran cukai jika tiada pindaan anggaran cukai, bagi tahun taksiran sebelumnya.
- 3.3.3. Syarikat, Koperasi Badan Amanah dan PLT memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan pada mana-mana bulan selain bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas serta mengemukakan pindaan anggaran cukai kena dibayar bagi tahun taksiran yang terlibat.

4. RAYUAN

Pada amnya, peruntukan mengenai bayaran anggaran cukai kena dibayar telah ditetapkan mengikut seksyen 107C ACP 1967.

Dalam keadaan tertentu sekiranya rayuan dikemukakan, Pengarah PPM boleh mempertimbangkan dan meluluskan rayuan yang berkaitan dengan pemakaian peruntukan seksyen 107C ACP 1967 (anggaran cukai kena dibayar).

- 4.1. Rayuan untuk mengemukakan anggaran cukai kurang daripada amaun minimum yang ditetapkan mengikut subseksyen 107C(3)

Rayuan hendaklah dikemukakan 30 hari sebelum bermula tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.

Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, dan PLT perlu memohon secara

bertulis dengan memberikan alasan yang kukuh dan mengemukakan dokumen yang menyokong alasan yang diberikan.

4.1.1. Sekiranya amaun anggaran cukai yang dikemukakan adalah kurang dari yang ditetapkan dan pembayar cukai tidak mengemukakan rayuan, KPHDN akan mengeluarkan anggaran cukai berdasarkan anggaran cukai dipinda bagi tahun taksiran sebelum atau anggaran cukai bagi tahun taksiran sebelum jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan. Notis Bayaran Ansuran (CP205) akan dikeluarkan kepada pembayar cukai.

4.1.2. Sekiranya amaun anggaran cukai yang dikemukakan adalah kurang daripada anggaran minimum 85% dan disertakan dengan surat rayuan dan dokumen sokongan, pertimbangan akan dibuat oleh Pengarah PPM.

- (i) Jika permohonan diluluskan, syarikat, badan amanah, koperasi dan PLT hendaklah membuat bayaran seperti anggaran cukai yang dimohon.
- (ii) Jika permohonan tidak diluluskan, amaun anggaran cukai yang kena dibayar adalah berdasarkan amaun anggaran cukai dipinda bagi tahun taksiran sebelum (jika ada) atau anggaran cukai jika tiada anggaran cukai dipinda.
- (iii) Bagi kedua-dua kes tersebut, Notis Bayaran Ansuran (CP205) dan surat makluman (CP216) akan dikeluarkan kepada pembayar cukai.

4.2. Rayuan untuk meminda notis bayaran ansuran (CP205) yang dikeluarkan oleh KPHDN.

Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, dan PLT boleh membuat rayuan ke atas CP205 yang dikeluarkan (rujuk perenggan 3.3) dengan memberikan alasan yang kukuh dan mengemukakan dokumen yang dapat menyokong alasan tersebut.

4.2.1. Bagi kes yang mengemukakan anggaran cukai kurang daripada 85% anggaran cukai dipinda bagi tahun taksiran sebelum atau anggaran cukai bagi tahun taksiran sebelum jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan, rayuan hendaklah dikemukakan sebelum tarikh bayaran ansuran pertama bermula.

4.2.2. Bagi kes lewat/tidak mengemukakan anggaran cukai, pindaan boleh dibuat pada pindaan bulan ke-6 dan ke-9.

5. PERTUKARAN TEMPOH PERAKAUNAN (RUJUKAN BOLEH DIBUAT KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 7/2011)

5.1. Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, atau PLT hendaklah memaklumkan kepada KPHDN mengenai pertukaran tempoh perakaunan dengan mengemukakan borang CP204B secara manual ke PPM (rujuk lampiran 4 Borang CP204B);

5.1.1. Satu bulan sebelum tarikh permulaan tempoh perakaunan yang baru jika tempoh perakaunan dipendekkan.

5.1.2. Satu bulan sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal jika tempoh perakaunan dipanjangkan.

Jika gagal mematuhi para 5.1.1 dan 5.1.2, Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT dikehendaki mengemukakan anggaran cukai (CP204) tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas yang baru dan CP204B tidak perlu dikemukakan.

5.2. Jika Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT perlu membuat pertukaran tempoh perakaunan dan pada masa yang sama perlu meminda anggaran cukai :

- 5.2.1. Pengemukaan perlu dibuat dalam bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas, borang CP204A dan CP204B;
- 5.2.2. Sekiranya pengemukaan dibuat selain daripada bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas tahun gagal, borang CP204B dan surat rayuan bersama dokumen sokongan perlu dikemukakan.
- 5.2.3. Sekiranya Syarikat, Koperasi, Badan Amanah dan PLT hanya mengemukakan CP204B, KPHDN akan mengarahkan amaun ansuran yang perlu dibayar melalui Notis Bayaran Ansuran (CP205).
- 5.3. Para 5.2.2 terpakai jika;
- 5.3.1. Anggaran pindaan baru adalah kurang daripada anggaran dipinda atau anggaran asal, jika tiada anggaran dipinda dikemukakan.

Contoh 4:

Tempoh akaun/tempoh asas asal : 01/01/2015 - 31/12/2015
Anggaran cukai asal : RM12,000
Tempoh akaun/tempoh asas baru : 01/01/2015 - 30/06/2015
Anggaran cukai ingin dipinda : RM6,000

- 5.3.2. Antara rayuan yang boleh dipertimbangkan bagi situasi di para 5.3.1 adalah;
- (i) Surat rayuan dengan alasan tempoh akaun dan tempoh asas menjadi lebih pendek. Resolusi pertukaran tempoh disertakan.
 - (ii) Surat rayuan dengan alasan syarikat sedang dalam proses likuidasi. Resolusi atau surat perlantikan pelikuidasi disertakan. *Atau*

(iii) Surat rayuan dengan alasan syarikat akan berhenti menjalankan perniagaan. Resolusi *cessation of business*/surat pemotongan nama di SSM disertakan.

5.3.3. Amaun ansuran bagi tempoh asas baru kurang daripada amaun ansuran dipinda atau ansuran asal (jika tiada pindaan ansuran).

Contoh 5:

Tempoh akaun/tempoh asas asal : 01/07/2015 – 30/06/2016

Anggaran cukai asal : RM12,000

Ansuran pertama hingga ke-12 : RM1,000 setiap bulan

Tempoh akaun/tempoh asas baru : 01/07/2015 – 31/12/2016
(18 bulan)

Anggaran cukai ingin dipinda : RM14,400

Ansuran ke-13 hingga 18 : RM 400 setiap bulan

(Ansuran ke-13 adalah kurang daripada amaun ansuran yang ke-12)

5.3.4. Antara rayuan yang boleh dipertimbangkan bagi situasi di para 5.3.3 adalah:

(i) Surat rayuan dengan alasan syarikat sedang dalam proses likuidasi. Resolusi atau surat perlantikan pelikuidasi disertakan

(ii) Surat rayuan dengan alasan syarikat akan berhenti menjalankan perniagaan. Resolusi *cessation of business*/surat pemotongan nama di SSM disertakan.

5.4. Pertukaran tempoh perakaunan akan menyebabkan berlakunya salah satu daripada keadaan berikut:

5.4.1. Tempoh Perakaunan Dipendekkan

- (i) Sekiranya pertukaran tempoh perakaunan dimaklumkan selain daripada bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas tetapi dalam tempoh asas baru, amaun pindaan boleh diterima dengan syarat amaun anggaran pindaan baru lebih tinggi daripada anggaran dipinda atau anggaran asal (jika tiada anggaran dipinda dikemukakan).
- (ii) Sekiranya pertukaran tempoh perakaunan diberitahu selepas tempoh asas tahun gagal berakhir amaun pindaan anggaran cukai tidak boleh diterima. Amaun ansuran bulanan asal perlu diteruskan sehingga tarikh pemakluman pertukaran tempoh perakaunan melalui Borang CP204B diterima oleh KPHDN.

5.4.2. Tempoh Perakaunan Dipanjangkan

- (i) Sekiranya pertukaran tempoh perakaunan diberitahu selepas bulan ke-6 tempoh asas dan amaun anggaran dipinda adalah lebih tinggi, maka perbezaan antara anggaran yang dipinda dan anggaran asal akan dibahagi dengan bilangan bulan yang dipanjangkan sehingga tahun taksiran berikutnya bermula.
- (ii) Sekiranya ansuran dipinda kurang dari amaun ansuran asal sebelum tempoh dipanjangkan, amaun ansuran yang perlu dibayar bagi tempoh yang dipanjangkan itu adalah amaun ansuran asal. Ansuran bulanan bagi tempoh yang dipanjangkan hendaklah tidak kurang daripada ansuran bulanan bagi tempoh asal.

5.5. Contoh Pengiraan Pindaan

5.5.1. Tempoh Perakaunan Dipendekkan

Contoh 6:

Ahmad Albab PLT kebiasaannya menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun dan menukar tempoh perakaunan kepada 30 April (kurang 12 bulan) pada tahun berikutnya. Anggaran asal bagi tahun 2014 adalah RM18,000.00 dan anggaran pindaan adalah RM6,000.00. Pemberitahuan dibuat dalam bulan ke-4 tempoh asas.

	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Asal Tutup akaun 31 Disember	1.1.2014 – 31.12.2014	2014
Pindaan Tutup akaun 30 April	1.1.2014 – 30.04.2014 1.5.2014 - 30.04.2015	2014 2015

Jadual CP204 bagi tahun taksiran 2014 adalah dipinda seperti berikut:

Tahun Taksiran 2014

Ansuran	Tarikh Kena Dibayar	Amaun Asal (RM)	Amaun Pindaan (RM)
1	10.02.2014	1,500.00	1,500.00
2	10.03.2014	1,500.00	1,500.00
3	10.04.2014	1,500.00	1,500.00
4	10.05.2014	1,500.00	1,500.00
5	10.06.2014	1,500.00	

6	10.07.2014	1,500.00	
7	10.08.2014	1,500.00	
8	10.09.2014	1,500.00	
9	10.10.2014	1,500.00	
10	10.11.2014	1,500.00	
11	10.12.2014	1,500.00	
12	15.01.2015	1,500.00	
Jumlah		18,000.00	6,000.00

5.5.2. Tempoh Perakaunan Dipanjangkan

Contoh 7 :

Pindaan Dalam Bulan Ke-6

Aizah Wahab Sdn. Bhd. kebiasaannya menutup akaun pada 31 Julai setiap tahun dan menukar tempoh perakaunan kepada 31 Oktober (lebih 12 bulan) pada tahun berikutnya. Anggaran asal bagi tahun 2015 adalah RM18,000.00 dan anggaran pindaan adalah RM28,000.00. Pemberitahuan dibuat dalam bulan ke-6 tempoh asas.

	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Asal Tutup akaun 31 Julai	1.8.2014 - 31.07.2015	2015
Pindaan Tutup akaun 31 Oktober	1.8.2014 – 31.10.2015 1.11.2015 - 31.10.2016	2015 2016

Jadual CP204 bagi tahun taksiran 2015 adalah dipinda seperti berikut:

Tahun Taksiran 2015

Ansuran	Tarikh Kena Dibayar	Amaun Asal (RM)	Amaun Pindaan (RM)
1	10.09.2014	1,500.00	1,500.00
2	10.10.2014	1,500.00	1,500.00
3	10.11.2014	1,500.00	1,500.00
4	10.12.2014	1,500.00	1,500.00
5	15.01.2015	1,500.00	2,000.00
6	15.02.2015	1,500.00	2,000.00
7	15.03.2015	1,500.00	2,000.00
8	15.04.2015	1,500.00	2,000.00
9	15.05.2015	1,500.00	2,000.00
10	15.06.2015	1,500.00	2,000.00
11	15.07.2015	1,500.00	2,000.00
12	15.08.2015	1,500.00	2,000.00
13	15.09.2015		2,000.00
14	15.10.2015		2,000.00
15	15.11.2015		2,000.00
Jumlah		18,000.00	28,000.00

Contoh 8 :

Pindaan selain Bulan Ke 6 dan Amaun Dipinda Tinggi

Aizah Wahab Sdn. Bhd. kebiasaannya menutup akaun pada 31 Julai setiap tahun dan menukar tempoh perakaunan kepada 31 Oktober (lebih 12 bulan) pada tahun berikutnya. Anggaran asal bagi tahun 2015 adalah RM18,000.00 dan anggaran pindaan

adalah RM28,000.00. Pemberitahuan dibuat dalam bulan ke-7 tempoh asas.

Jadual CP204 bagi tahun taksiran 2015 adalah dipinda seperti berikut:

Tahun Taksiran 2015

Ansuran	Tarikh Kena Dibayar	Amaun Asal (RM)	Amaun Pindaan (RM)
1	10.09.2014	1,500.00	1,500.00
2	10.10.2014	1,500.00	1,500.00
3	10.11.2014	1,500.00	1,500.00
4	10.12.2014	1,500.00	1,500.00
5	15.01.2015	1,500.00	1,500.00
6	15.02.2015	1,500.00	1,500.00
7	15.03.2015	1,500.00	1,500.00
8	15.04.2015	1,500.00	1,500.00
9	15.05.2015	1,500.00	1,500.00
10	15.06.2015	1,500.00	1,500.00
11	15.07.2015	1,500.00	1,500.00
12	15.08.2015	1,500.00	1,500.00
13	15.09.2015		3,333.00
14	15.10.2015		3,333.00
15	15.11.2015		3,334.00
Jumlah		18,000.00	28,000.00

Nota :

1. Perubahan pada amaun hanya berkuatkuasa pada ansuran tambahan.
2. Pengiraan: jumlah ansuran dipinda – anggaran asal (atau pindaan)/ ansuran tambahan yang layak
Contoh : $(28000 - 18000)/3 = \text{RM}3,333.33$
Oleh itu, ansuran ke 13 & 14 – RM 3,333.00
- Ansuran terakhir – RM3,334.00

Contoh 9 :

Aizah Wahab Sdn. Bhd. kebiasaannya menutup akaun pada 31 Julai setiap tahun dan menukar tempoh perakaunan kepada 31 Oktober (lebih 12 bulan) pada tahun berikutnya. Anggaran asal bagi tahun 2015 adalah RM18,000.00 dan anggaran pindaan adalah RM15,000.00. Pemberitahuan dibuat dalam bulan ke-7 tempoh asas.

Ansuran	Tarikh Kena Dibayar	Amaun Asal (RM)	Amaun Pindaan (RM)
1	10.09.2014	1,500.00	1,500.00
2	10.10.2014	1,500.00	1,500.00
3	10.11.2014	1,500.00	1,500.00
4	10.12.2014	1,500.00	1,500.00
5	15.01.2015	1,500.00	1,500.00
6	15.02.2015	1,500.00	1,500.00
7	15.03.2015	1,500.00	1,500.00
8	15.04.2015	1,500.00	1,500.00
9	15.05.2015	1,500.00	1,500.00
10	15.06.2015	1,500.00	1,500.00
11	15.07.2015	1,500.00	1,500.00
12	15.08.2015	1,500.00	1,500.00

13	15.09.2015		1,500.00
14	15.10.2015		1,500.00
15	15.11.2015		1,500.00
Jumlah		18,000.00	22,500

Ansuran bulanan bagi tempoh yang dipanjangkan hendaklah tidak kurang daripada ansuran bulanan bagi tempoh asal.

6. SLIP PENGIRIMAN BAYARAN – BORANG CP207

Slip Pengiriman Bayaran (CP207) hendaklah digunakan apabila membuat bayaran di kaunter bayaran LHDNM. Maklumat pada CP207 boleh digunakan apabila membuat bayaran di kaunter bank atau bayaran secara elektronik. Bayaran boleh dibuat secara tunai, cek, kiriman wang dan draf bank (hendaklah dipalang) dan dibayar kepada **Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri**. Sila catatkan **nama, alamat, nombor telefon, nombor cukai pendapatan, tahun taksiran dan kod bayaran (086)** di belakang instrumen bayaran. Membuat bayaran dengan mengisi maklumat yang betul penting supaya bayaran dapat dibukukan ke tahun taksiran yang betul.

7. KENAIKAN CUKAI

7.1. Subseksyen 107C(10) Akta Cukai Pendapatan 1967

7.1.1. Jika perbezaan di antara cukai sebenar dan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai (jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan) melebihi 30 peratus dari cukai kena dibayar, cukai akan dinaikkan sebanyak 10% ke atas perbezaan yang melebihi 30%.

7.1.2. Formula bagi pengiraan kenaikan

Formula bagi pengiraan amaun cukai yang dinaikkan ialah seperti berikut:

$$\text{Amaun cukai dinaikkan} = [(CS-AC) - (30\% \times CS)] \times 10\%$$

Di mana: CS: cukai sebenar yang kena dibayar

AC: anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai
(jika tiada anggaran dipinda)

Contoh 10 :

Berikut adalah cukai sebenar yang kena dibayar bagi tahun-tahun taksiran yang berkenaan:

Tahun Taksiran	Anggaran Cukai Kena Dibayar (RM)	Cukai Kena Dibayar Sebenar (RM)	Perbezaan Di antara Anggaran dan Cukai Sebenar (RM)	30% x Cukai Sebenar Kena Dibayar (RM)
2013	8,000	9,000	1,000	2,700
2014	0 dipinda	2,400	2,400	720
2015	6,000 dipinda	8,000	2,000	2,400

Dalam contoh ini syarikat akan dikenakan kenaikan cukai kerana mengemukakan anggaran cukai yang rendah bagi tahun **taksiran 2014 sahaja**. Ini memandangkan perbezaan di antara anggaran cukai yang dipinda dan cukai sebenar iaitu RM2,400 melebihi 30% atas cukai sebenar (RM720). Pengiraan kenaikan cukai adalah seperti berikut:

Cukai kena dibayar yang sebenar: RM2,400.00
 Anggaran cukai kena dibayar Tiada
 Amaun cukai dinaikkan = $[(2,400-0) - (30\% \times 2,400)] \times 10\%$
 = $[(2,400) - (720)] \times 10\%$
 = $1,680 \times 10\%$
 = **RM168**

7.2. Seksyen 107C(9) Akta Cukai Pendapatan 1967

7.2.1. Kenaikan cukai dikenakan di mana amaun ansuran tidak dibayar pada tarikh kena dibayar. Amaun ansuran gagal akan dinaikkan sebanyak 10% tanpa sebarang notis dikeluarkan

7.2.2. Formula bagi pengiraan kenaikan


Formula bagi pengiraan amaun cukai yang dinaikkan ialah seperti berikut:

Amaun cukai dinaikkan = [Amaun ansuran gagal X 10%]

Contoh 11:

No Ansuran	Tarikh Kena Bayar	Amaun Ansuran (RM)	Tarikh Bayaran Diterima	Amaun Bayaran Diterima (RM)	Kenaikan Seksyen 107C(9) (RM)
1	15.02.2015	1,000.00	23.02.2015	1,000.00	100.00
2	15.03.2015	1,000.00	14.03.2015	1,000.00	
3	15.04.2015	1,000.00	12.04.2015	1,000.00	
4	15.05.2015	1,000.00	16.05.2015	1,000.00	100.00
5	15.06.2015	1,000.00	13.06.2015	1,000.00	
6	15.07.2015	1,000.00	19.07.2015	1,000.00	100.00

7	15.08.2015	1,000.00	14.08.2015	1,000.00	
8	15.09.2015	1,000.00	14.08.2015	1,000.00	
9	15.10.2015	1,000.00	15.11.2015	1,000.00	100.00
10	15.11.2015	1,000.00	15.11.2015	1,000.00	
11	15.12.2015	1,000.00	12.12.2015	1,000.00	
12	15.01.2016	1,000.00	12.01.2016	1,000.00	
Jumlah Kenaikan					400.00



(MAHMOOD BIN DAUD)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

23 Februari 2017



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
 Borang ini ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP)

CP204 [Pin. 2/2015]

ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR OLEH SYARIKAT / PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD / BADAN AMANAH / KOPERASI

Kepada:

No. Rujukan (No. Pendaftaran):

No. Cukai Pendapatan:

Tarikh:

Kembalikan kepada: **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
 Pusat Pemprosesan Maklumat
 Menara Hasil
 No.9 Jalan 8/10, Seksyen 9
 Karung Berkundi 208
 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
 Telefon : 03-89139800
 Faks : 03-86221801

Sila baca nota penerangan di muka belakang sebelum mengisi borang ini

1 Tahun Taksiran

2 Amaun Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar RM

2.1 Anggaran ini adalah % daripada anggaran tahun sebelumnya (jika penerangan / nota penerangan)

2.2 Pendapatan tertakluk kepada Cukai Penghasilan seksyen 107A ACP sepenuhnya (jika untuk syarikat bukan pemastautin sahaja) (jika penerangan / nota penerangan) Ya Tidak

3 Tempoh Perakaunan dari hingga
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

4 Tempoh Asas dari hingga
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

5 Syarikat Baru: Nyatakan tarikh mula beroperasi

5.1 Status SME syarikat yang layak sahaja (jika anggaran / nota penerangan) dari hingga
Tahun Taksiran Tahun Taksiran

5.2 Nyatakan sama ada akaun disediakan bagi tempoh yang berakhir pada tarikh yang sama seperti syarikat-syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama Ya Tidak

6 Pengiraan Ansuran Bulanan (jika anggaran / nota penerangan) Amaun Ansuran Bulanan

6.1 Ansuran Pertama hingga ke RM

6.2 Ansuran Akhir RM

7 Ruangan ini perlu diisi oleh syarikat baru atau jika terdapat perubahan disebabkan pertukaran tarikh penutupan akaun

7.1 Tempoh Asas Tahun Taksiran Berikutnya hingga
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

7.2 Tempoh Asas Tahun Taksiran ke 2 Berikutnya hingga
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

8 Aiskrit surat-menyurat sekarang: (jika berlainan daripada di atas)

Akuan

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar.

Nama: _____ Tandatangan: _____

No. Penghasilan: _____ Jawatan: _____
(Pengerusi / Setiausaha atau jawatan yang setara)

No. Telefon: _____ Tarikh: _____

Untuk Kegunaan Pejabat

LAMPIRAN 2



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
PUSAT PEMROSESAN MAKLUMAT
MENARA HASIL
NO.3, JALAN 9/10
SEKSYEN 9
43650 BANDAR BARU BANGI
SELANGOR DARUL EHSAN

CP206
(Pin 1/2008)

NO. TEL : 03-89133800

NO. FAKS : 03-89221801

NOTIS BAYARAN ANSURAN DI BAWAH SEKSYEN 107C, AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KEPADA

NO RUJUKAN
[NO PENDAFTARAN]
NO CUKAI PENDAPATAN: C
TAHUN TAKSIRAN : 2016

MENURUT PERUNTUKAN SUBSEKSYEN 107C(8) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967, DENGAN INI TUAN DIKEHENDAKI MEMBUAT BAYARAN BAGI CUKAI UNTUK TAHUN TAKSIRAN YANG DINYATAKAN DINYATAKAN MENGIKUT AMAUN DAN TARIKH BAYARAN SEPERTI JADUAL BERIKUT :

SKIM ANSURAN		
ANSURAN	AMAUN(RM)	TARIKH KENA BAYAR
1	25,000.00	15/02/2016
2	25,000.00	15/03/2016
3	25,000.00	15/04/2016
4	25,000.00	15/05/2016
5	25,000.00	15/06/2016
6	25,000.00	15/07/2016
7	25,000.00	15/08/2016
8	25,000.00	15/09/2016
9	25,000.00	15/10/2016
10	25,000.00	15/11/2016
11	25,000.00	15/12/2016
12	25,000.00	15/01/2017
JUMLAH	300,000.00	


1. Jika ansun yang kena dibayar tidak dijetaskan dalam tempoh yang ditetapkan, ansun tersebut akan dinaikkan 10%.
2. Setiap bayaran ansuran mesti disertakan dengan Slip Pengiriman Bayaran (CP207).

Nota ini membatalkan notis/jadual tertahulu.

TAN SRI DATUK WIRA DR. MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tarikh : 19/11/2015

Cetakan komputer ini tidak memerlukan tandatangan
(Sila rujuk fail kami apabila menjawab)





LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

CP204A [Fin. 2/2015]

Borang ini ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1987 (ACP)

PINDAAN ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR OLEH SYARIKAT / PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD / BADAN AMANAH / KOPERASI

Pindaan Bulan ke-8
 atau ke-9
 (tandakan ✓ dalam petak berkenaan)

No. Rujukan
 (No. Pendaftaran):
 No. Cukai Pendapatan:
 Tarikh:

Kepada:

Kembalikan kepada: **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
 Pusat Pemprosesan Maklumat
 Menara Hasil
 No.3 Jalan 9/10, Seksyen 9
 Karung Berkunci 206
 43659 Bandar Baru Bangi, Selangor
 Telefon : 03-88133800
 Faks : 03-88221801

Sila baca nota penerangan di muka belakang sebelum mengisi borang ini

1 Nama Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad / Badan / Amanah / Koperasi

2 Tahun Taksiran:

2.1 Pendapatan tertakluk kepada Cukai Pegangan seksyen 107A ACP sepenuhnya (hanya untuk syarikat bulat pematuhan sahaja) (lihat perenggan 1.1 nota penerangan) Ya Tidak

3 Tempoh Perakaunan dari hingga
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

4 Tempoh Asas dari hingga
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

5 Anggaran cukai kena dibayar yang dipinda RM
 Total: Jumlah telah dibayar hingga kini RM
 Baki anggaran kena dibayar RM

6 Pengiraan Ansuran Bulanan: (lihat perenggan 1.1 nota penerangan) **Anaun Ansuran Bulanan**
 6.1 Ansuran ke-5 / ke-8 ke-6 / ke-9 hingga ke- RM
 6.2 Ansuran akhir RM

7 Alamat surat-menyurat sekiranya: (jika berlainan daripada di atas)

Akuan

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar.
 Nama: _____ Tandatangan: _____
 No. Pengenalan: _____ Jawatan: _____
(Pengerah / Setiausaha atau jawatan yang setara)
 No. Telefon: _____ Tarikh: _____

Untuk Kegunaan Pejabat

PINDAAN ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR OLEH SYARIKAT / PERKONGSIAN LABUT TERHADU/ BADAN AMANAH / KOPERASI

- (a) **Borang CP204A**
Gunakan borang ini apabila membuat pindaan anggaran cukai yang kena dibayar (di tuangkan dengan HURUF BESAR menggunakan pen dakwat hitam).
- (b) **Bila pindaan kepada anggaran boleh dibuat**
Anggaran cukai bagi sesuatu tahun takwain hanya boleh dipinda dalam bulan ke-5 atau ke-9 atau kedua-duanya dalam tempoh asas. Jika anggaran cukai yang dipinda melebihi ansuran yang telah dibayar, baki cukai mestilah dibayar secara ansuran mengikut baki tempoh bayaran yang ada.
- Maklumat pada buletin 2.1 perlu diungkapkan oleh syarikat bukan pemastautin sahaja. Sekiranya pendapatan syarikat bukan pemastautin bertakuk sepenuhnya kepada Cukai Pengedaran elesen 107A ACP, ruangan 5 dan 6 tidak perlu diisi.
- (c) **Pengiraan ansuran ansuran yang dipinda**
Kita amai ansuran yang baru dan tentukan bayaran ansuran mengikut cadangan pindaan. Amaun ansuran bulanan yang dipinda dikira dengan membahagikan baki anggaran cukai yang belum dibayar dengan baki tempoh bayaran. Amaun sen (jika ada) hendaklah ditambah kepada amaun ansuran terakhir. Jika anggaran cukai yang dipinda kurang daripada jumlah yang telah dibayar, syarikat boleh memberhentikan bayaran ansuran seterusnya.

Contoh:	Borang Pindaan dikeluarkan di antara 1hb-15hb Jun dan bayaran telah dibuat sehingga bulan Mei		Borang Pindaan dikeluarkan selepas 15hb Jun dan bayaran telah dibuat sehingga bulan Jun	
Anggaran cukai dipinda (RM)		RM 160,000.00		RM 160,000.00
Tolak: Ansuran telah dibayar	Februari - Mei (RM 10,833 x 4)	RM 43,332.00	Februari - Jun (RM 10,833 x 5)	RM 54,165.00
Baki ansuran		RM 106,668.00		RM 95,835.00
Ansuran bulanan dipinda	(RM 106,668) ÷ 8	RM 13,333.50	(RM 95,835) ÷ 7	RM 13,690.71
	Jun (ke-5) - Disember (ke-11)	RM 13,333.00	Juli (ke-6) - Disember (ke-11)	RM 13,690.00
	Januari (Ansuran akhir)	RM 13,337.00	Januari (Ansuran akhir)	RM 13,695.00

- (d) **Anggaran berkurang**
Jika perbezaan antara cukai sebenar dengan anggaran cukai yang dibayar dipinda atau anggaran cukai, jika baki anggaran cukai dipinda dikurangkan melebihi 30% daripada cukai sebenar, maka cukai akan dinaikkan sebanyak 10% ke atas perbezaan yang melebihi 30% tanpa sebarang nota. Formula pengiraan cukai dinaikkan ialah:

$$[(CS-AC) - (30\% \times CS)] \times 10\% \text{ di mana } CS = \text{cukai sebenar yang telah dibayar}$$

$$AC = \text{anggaran cukai / anggaran cukai dipinda}$$

- (e) **Slip penghantaran bayaran -CP207**
Gunakan slip penghantaran bayaran apabila membuat bayaran. Salinan fotostat Borang CP 207 boleh digunakan. Slip penghantaran bayaran penting supaya bayaran cukai dapat dikreditkan kepada cukai bagi tahun takwain yang berkaitan. Borang CP207 boleh didapati di <http://www.hasil.gov.my>.

- (f) **Tarikh bayaran ansuran bulanan perlu diterima**
Bayaran perlu diterima seawal-lewatnya pada 15 hari bulan ansuran berkenaan. Pembayaran boleh di buat di:
- Bank - Kaunter CIMB Bank, Public Bank, Maybank, Affin Bank, RHB Bank dan Bank Rakyat
 - Perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, Hong Leong Bank, RHB Bank & perbankan telefon Maybank
 - Auto Teller Machine (ATM) CIMB, PBB dan Maybank
 - LHDN - ByrHASIL melalui FPX (Financial Process Exchange) di <http://www.hasil.gov.my>
 - Kaunter Bayaran LHDN atau melalui pos.
 - Cek, kuitan wang dan draf bank hendaklah dipaling dan dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
 - Pos Malaysia Berhad - Kaunter dan Pos Online

Cukai akan dinaikkan sebanyak 10% ke atas amaun yang tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan tanpa sebarang nota.

- (g) **Perubahan tarikh penutupan akaun**
Kemukakan Borang CP204B jika terdapat pertukaran tarikh penutupan akaun. Borang perlu diterima seawal-lewatnya seperti berikut:
- Tempoh perakaunan dipendekkan: Satu bulan sebelum tarikh penutupan tempoh perakaunan yang baru
- Tempoh perakaunan dipanjangkan: Satu bulan sebelum tarikh penutupan akaun yang asal.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
 Borang ini ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967

CP204B [Pin. 2015]

PEMBERITAHUAN PERTUKARAN TEMPOH PERAKAUNAN

No. Rujukan
(No. Pendaftaran):

No. Cukai Pendapatan:

Tarikh:

Kembalikan kepada: **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
 Pusat Pemprosesan Maklumat
 Menara Hasil
 No.3 Jalan 9/10, Seksyen 9
 Karung Berkunci 206
 43659 Bandar Baru Bangi, Selangor
 Telefon : 03-89133800
 Faks : 03-89221801

Sila baca nota penerangan di muka belakang sebelum mengisi borang ini

1 Nama Syarikat / Perkongsian / Liabiliti Terhad / Badan / Amanah / Koperasi

2 Tempoh perakaunan syarikat telah ditukar seperti berikut:

2.1 Tempoh Asal -20 Hingga -20
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

2.2 Tempoh Baru -20 Hingga -20
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

3 Tempoh asas syarikat

3.1 Tempoh asas tahun taksiran semasa -20 Hingga -20
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

3.2 Tempoh asas tahun taksiran berikutnya -20 Hingga -20
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

3.3 Tempoh asas tahun taksiran ke 2 berikutnya -20 Hingga -20
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

4 Amaun Anggaran dipinda disebabkan pertukaran tempoh perakaunan

4.1 Amaun anggaran dahulu 00

4.2 Amaun anggaran di pinda 00

Akuan

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar.

Nama: _____ Tandatangan: _____

No. Pengenalan: _____ Jawatan: _____
(Pengarah / Setiausaha atau jawatan yang setara)

No. Telefon: _____ Tarikh: _____

Untuk Kegunaan Pejabat

NOTA PENERANGAN BORANG CP204B
PEMBERTAHUAN PERTUKARAN TARikh PENUTUPAN AKALIN OLEH SYARIKAT / PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD / BADAN AMANAH / KOPERASI

- (a) Pertukaran kepada tempoh perakaunan dan tempoh asas
 Pertukaran tarikh penutupan akaun akan mengakibatkan tempoh asas turut berubah.
- (b) Maklumkan dalam bulan ke-8 tempoh asas
- * Syarikat hendaklah memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan dalam bulan ke-6 tempoh asas dengan mengisi CP204A, dan CP204B.
 - * Jika pertukaran tempoh perakaunan diketahui hanya selepas bulan ke-6 tempoh asas, borang CP204B sahaja hendaklah digunakan. Ketua Pengarah akan mengarahkan amaun ansuran yang perlu dibayar. CP205 akan dikeluarkan.
 - * Borang CP204 hendaklah diisi jika pertukaran tarikh penutupan akaun melibatkan tempoh asas tahun takiran berikutnya.
- (c) Tempoh perakaunan dipendekkan

Contoh 1: Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 30 September 2006 kepada 30 Jun setiap tahun. Anggaran asal bagi tahun takiran 2006 adalah RM12,000.00 dan anggaran pindah adalah RM16,000.00.
 Jika dimaklumkan:

dalam bulan ke-8 tempoh asas

	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran
Asal	01/10/2005 - 30/09/2006 (RM12,000.00) 12	Nov 2005 - Okt 2006 RM 1,000.00 sebulan
Pindaan	01/10/2005 - 30/06/2006	Nov 2005 - Feb 2006 RM 1,000.00 sebulan Mac 2006 - Jul 2006 RM (18,000 - 6,000) 5 = RM 2,800.00 sebulan

selepas bulan ke-8 tempoh asas
 (Contoh: bulan ke-7 tempoh asas)

	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran
Asal	01/10/2005 - 30/09/2006 (RM12,000.00) 12	Nov 2005 - Okt 2006 RM 1,000.00 sebulan
Pindaan	01/10/2005 - 30/06/2006	Nov 2005 - Apr 2006 RM 1,000.00 sebulan Mei 2006 - Jul 2006 RM (18,000 - 6,000) 3 = RM 4,000.00 sebulan

- (d) Tempoh perakaunan dipanjangkan

Sekiranya pertukaran tempoh perakaunan dimaklumkan selepas bulan ke-6 dan amaun anggaran dipinda tinggi, perbezaan antara anggaran asal dan anggaran dipinda akan dibahagi dengan bilangan ansuran yang dipanjangkan sehingga tahun takiran berikutnya termula. Sekiranya ansuran itu kurang dari amaun ansuran asal sebelum tempoh dipanjangkan, amaun ansuran yang perlu dibayar bagi tempoh yang dipanjangkan itu adalah amaun ansuran asal. Ansuran bulanan bagi tempoh yang dipanjangkan hendaklah tidak kurang daripada ansuran bulanan bagi tempoh asal.

Contoh 2: Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 30 Jun kepada 31 Disember setiap tahun. Anggaran bulanan asal bagi tahun takiran 2006 adalah RM18,000.00 dan dipinda kepada RM34,000.00.
 Jika dimaklumkan:

dalam bulan ke-8 tempoh asas

	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran
Asal	01/07/2005 - 30/06/2006 (RM18,000.00) 12	Ogos 2005 - Jul 2006 RM 1,500.00 sebulan
Pindaan	01/07/2005 - 31/12/2006 RM(34,000.00 - 6,000.00) 14	Ogos 2005 - Nov 2005 RM 1,500.00 sebulan Dis 2005 - Jan 2007 RM (34,000 - 6,000) 14 = RM 2,000.00 sebulan

selepas bulan ke-8 tempoh asas
 (Contoh: bulan ke-7 tempoh asas)

	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran
Asal	01/07/2005 - 30/06/2006 (RM18,000.00) 12	Ogos 2005 - Jul 2006 RM 1,500.00 sebulan
Pindaan	01/07/2005 - 31/12/2006	Ogos 2005 - Jul 2006 RM 1,500.00 sebulan Bayaran bagi tempoh perakaunan dipanjangkan RM(34,000.00 - 18,000.00) 6 Jan 2007 RM 2,670.00

- (e) Tempoh perakaunan dipanjangkan

Seperti contoh 2 di atas, sekiranya dimaklumkan selepas bulan ke-6 dengan anggaran dipinda kepada RM24,000.00, amaun ansuran yang perlu dibayar adalah RM1,500.00 walaupun mengikut pengiraan amaun bagi tempoh perakaunan yang dipanjangkan ialah RM1,000.00.